




Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Lembaga Pemantauan Audit
Laporan Tahunan
2018

Rasional Kulit Hadapan

Paparan kulit hadapan laporan tahunan ini membentuk corak tenunan beralun. Ia menggambarkan suatu ekosistem yang mudah cara, dinamik, inovatif dan saling berhubung antara AOB dan pihak berkepentingannya.



© Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
2019

Alamat
3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon
+603 6204 8900

Laman Sesawang
<http://www.sc.com.my/audit-oversight-board>

Faks
+603 6201 1888

Tarikh akhir bagi data yang dinyatakan dalam laporan ini adalah 31 Disember 2018.
Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, sumber untuk semua diagram, jadual dan carta adalah daripada AOB.



PERNYATAAN MISI

Memupuk pengauditan bebas
berkualiti tinggi bagi memelihara
keyakinan terhadap kualiti dan
kebolehpercayaan penyata
kewangan teraudit entiti
berkepentingan awam dan
kumpulan wang jadual di Malaysia

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi

Bahagian Satu Memupuk Pengauditan Bebas Berkualiti Tinggi dalam Pasaran Modal

- 9 Pengenalan
- 10 **Rencana:** Malaysia Berada pada Kedudukan Teratas dalam Bidang Juruaudit dan Pengawal Selia Audit dalam *CG Watch 2018*
- 11 Memperkukuh Kehendak Kawal Selia
- 12 **Rencana:** Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB
- 14 Memperkasa Tumpuan Terhadap Pemeriksaan Berasaskan Risiko
- 16 Keputusan Penguatkuasaan yang Tertumpu dan Berkesan
- 18 **Rencana:** Penguatkuasaan Strategik
- 19 Komunikasi dan Kerjasama yang Berkesan dengan Pihak Berkepentingan
- 20 Sepintas Lalu Pembabitan Bersama Pihak Berkepentingan Utama pada 2018

Bahagian Dua Penyata

- 25 Ahli Lembaga Pemantauan Audit
- 30 Pernyataan Tadbir Urus
- 33 Penyata Kewangan

Bahagian Tiga Statistik dan Lain-lain

- 57 Pendaftaran dan Pengiktirafan Juruaudit di Malaysia
- 58 Tindakan Penguatkuasaan
- 60 Akronim dan Singkatan
- 61 Definisi

Perutusan Pengerusi



Saya dengan berbesar hati membentangkan *Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit* bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Sebagai sebahagian daripada mandatnya untuk membantu SC menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan yang telah diaudit. AOB terus mengukuhkan jangkaan kawal selia melalui tiga fungsi utamanya – pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan serta penguatkuasaan.

Susulan analisis ke atas pemerhatian kerja-kerja pemeriksaan pada tahun-tahun sebelum ini, AOB telah memulakan kajian mendalam ke atas kriteria pendaftaran yang sedia ada. AOB berpendapat bahawa telah tiba masanya langkah-langkah yang lebih besar diperkenalkan untuk menetapkan semula

kualiti asas untuk kebaikan pasaran modal Malaysia susulan perkembangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB diperkenalkan selepas perundingan bersama badan perakaunan profesional tempatan.

Berhubung dengan usaha penguatkuasaannya, AOB mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 11 juruaudit individu dan tiga firma audit kerana kegagalan mereka untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian audit. AOB menyedari bahawa kriteria pendaftaran dan pemeriksaan ada hadnya dalam memastikan juruaudit mematuhi keperluan yang sedia ada. AOB berpandangan bahawa fungsi Penguatkuasaannya adalah aspek utama dalam peranannya dalam mengawal selia kerja juruaudit. Tindakan penguatkuasaan yang diambil memperkukuhkan komitmen AOB dalam mendukung integriti profesion audit.

Mengekalkan Standard dan Penambahbaikan Selanjutnya

Pengiktirafan yang diterima daripada Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dalam laporan *Corporate Governance Watch 2018* (CG Watch 2018) merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha-usaha terkini AOB. Laporan CG Watch 2018 tersebut mengiktiraf AOB sebagai “salah satu pengawal selia audit yang paling berkesan di rantau ini dan sebagai komunikator terbaik”.

Bagi AOB, pengiktirafan global ini adalah suatu galakan untuk meneruskan usahanya dalam mengekalkan standardnya sebagai pengawal selia audit dan meningkatkan lagi kualiti audit.

Menangani Jurang Jangkaan Audit

Pengauditan kekal memainkan peranan kritikal dalam persekitaran perniagaan dan pasaran modal, dengan memberikan jaminan tentang kebolehpercayaan maklumat kewangan apabila membuat keputusan pelaburan. Walau bagaimanapun, kajian dan pemerhatian baru-baru ini menunjukkan bahawa juruaudit semakin tertekan, di peringkat tempatan dan luar negara, untuk mengesan penipuan dan mencegah kegagalan syarikat. Ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa jurang antara peranan seorang juruaudit dan jangkaan pasaran bukan sahaja masih berterusan tetapi semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Audit merupakan satu komponen utama untuk memastikan kebolehpercayaan terhadap penyata kewangan teraudit. Oleh itu, tepat pada masanya bagi para pelabur, pengurusan, pengarah dan pihak berkepentingan untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap skop dan remit audit dan peranan masing-masing dalam ekosistem pelaporan kewangan.

Sehubungan itu, *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2017* yang pertama diagihkan kepada semua Syarikat Awam Tersenarai (PLC) untuk memudahkan cara dan meningkatkan pembabitan pengarah dan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit mereka. AOB akan terus melaksanakan usaha ini sebagai amalan tahunan dan menggalakkan lembaga pengarah dan jawatankuasa auditnya untuk memahami dan membincangkan pemerhatian serta trend yang dikongsi dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan* dengan juruaudit masing-masing. Ini untuk memastikan bidang-bidang berisiko yang

khusus kepada entiti-entiti mereka ditangani dengan sewajarnya. Akhirnya, semua komponen utama dalam ekosistem pelaporan kewangan perlu memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti kepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual di Malaysia.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga AOB, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Marzunisham Omar, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) atas sumbangannya kepada Lembaga AOB. Saya juga mengalu-alukan Hew Ee-Lu, Pengarah, Penyeliaan Insurans dan Takaful BNM sebagai ahli Lembaga AOB.

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga AOB atas komitmen mereka dan saya berterima kasih kepada pengawal selia, badan profesional perakaunan dan pihak berkepentingan lain atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka.

Kepada pasukan pengurusan dan warga kerja kami, terima kasih di atas dedikasi dan usaha luar biasa anda semua. Saya berharap untuk melaporkan kemajuan berterusan yang dicapai oleh AOB bagi tahun-tahun mendatang.



Dato' Gumuri Hussain

BAHAGIAN SATU MEMUPUK PENGAUDITAN BEBAS BERKUALITI TINGGI DALAM PASARAN MODAL



PENGENALAN

Kualiti audit merupakan kunci untuk mengekalkan kepercayaan awam dan mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap pelaporan korporat yang andal. Salah satu elemen penting dalam mendukung kualiti audit ialah pemantauan audit yang berkesan.

Bersandarkan pencapaiannya pada masa lalu, AOB kekal fokus kepada mandatnya untuk memupuk pengauditan bebas yang berkualiti tinggi dalam pasaran modal.

Sementara AOB meneruskan fungsi terasnya, iaitu pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan serta penguatkuasaan, ia sedar dan memberi perhatian penuh terhadap industri audit yang semakin rumit. Pemacu seperti ketidakpastian ekonomi global, inovasi teknologi dan perkembangan piawaian pelaporan kewangan global yang kompleks sentiasa dipantau bagi memastikan fokus AOB adalah terkini dan relevan.


Pelan Strategik AOB 2017-2020 memasuki tahun kedua pada 2018. Dalam usaha untuk menyediakan pelaksanaan inisiatif strategik yang lebih terperinci, keutamaan diberikan kepada tema strategik berikut:

- Memperkukuh kehendak kawal selia;
- Keputusan penguatkuasaan yang tertumpu dan berkesan; dan
- Memperkasa tumpuan terhadap pemeriksaan berasaskan risiko.

Sorotan aktiviti pada 2018 terhadap pencapaian tema strategik dibentangkan dalam seksyen berikut.

Diagram 1

Pelan Strategik AOB 2017–2020



Malaysia Berada pada Kedudukan Teratas dalam Bidang Juruaudit dan Pengawal Selia Audit dalam *CG Watch 2018*


Dalam Laporan *CG Watch 2018* oleh ACGA, Malaysia muncul sebagai yang paling menyerlah apabila menduduki ke tempat keempat terbaik pada tahun ini daripada tempat keenam pada 2016, selepas Australia, Hong Kong dan Singapura. Laporan ini merupakan hasil tinjauan setiap dua tahun oleh ACGA dan CLSA Limited (CLSA) ke atas 12 negara Asia termasuk Australia.

Malaysia memperoleh skor yang melebihi skor purata serantau bagi beberapa bidang termasuk kekukuhan peraturan bagi penzahiran korporat, tadbir urus serta penguatkuasaan. Malaysia juga memperoleh skor tertinggi (sama seperti Australia) bagi kualiti perakaunan, piawaian dan amalan pengauditan serta keberkesanan pengawalseliaan audit.

AOB turut diiktiraf sebagai salah satu pengawal selia audit yang paling berkesan di rantau ini dan komunikator terbaik.

Carta 1

Juruaudit dan pengawal selia audit: skor mengikut pasaran



Sumber: ACGA

ACGA memberi pujian kepada AOB bagi *Laporan Pemeriksaan Tahunan 2017* pertamanya yang dikeluarkan pada 2018, yang memperincikan program pemeriksaannya, dan maklumat mengenai struktur dan amalan industri audit. ACGA juga menyatakan bahawa laporan pemeriksaan tersebut menjadi contoh yang baik bagi rantau ini.

Tindakan penguatkuasaan AOB serta Kriteria Baharu Pendaftaran telah dikenal pasti sebagai proaktif.

Ini merupakan edisi ke-9 Laporan *CG Watch*.

MEMPERKUKUH KEHENDAK KAWAL SELIA

AOB terus memperkukuh kehendak kawal selia melalui tiga fungsi utamanya – pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan serta penguatkuasaan. Pada 2018, ia dicapai melalui usaha-usaha utama berikut:



Pengawalan

- **Meneguhkan proses pra-penilaian pendaftaran dan pengiktirafan yang sedia ada**, yang seterusnya memperkukuh kehendak kawal selia terhadap sistem kawalan kualiti firma audit ketika pendaftaran dan pengiktirafan bagi firma audit Malaysia dan luar negara.
- **Memperkenalkan Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB**, susulan semakan terperinci ke atas kriteria pendaftaran sedia ada dan pembabitan bersama profesion audit.



Pemantauan

- **Meneguhkan usaha-usaha pemantauan yang sedang dilaksanakan**, dimana ketidakpatuhan terhadap piawaian audit dan peraturan yang dikenal pasti diserahkan untuk tindakan penguatkuasaan atau tindakan lain yang bersesuaian.
- **Mengurangkan risiko kegagalan pada masa hadapan yang timbul daripada kebimbangan serius dalam kualiti audit yang dikenal pasti ketika pemeriksaan dan melalui usaha pemantauan berterusan**, di mana prestasi semasa dan terdahulu juruaudit di dalam dan luar Malaysia dipertimbangkan. Tindakan yang diambil termasuk mengenakan syarat tambahan kepada juruaudit berdaftar dan pembatalan pendaftaran juruaudit.



Pada 2018, fungsi pemantauan AOB mengenal pasti kejadian di mana juruaudit yang berdaftar dengan AOB telah melepasi tempoh maksimum yang dibenarkan ke atas mereka untuk bertindak sebagai rakan kongsi audit utama sebuah pelanggan audit PLC.

Pelanggaran *Undang-undang Kecil (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia* (Undang-undang Kecil MIA) telah menjejaskan kebebasan juruaudit berkaitan dengan pengauditannya.

AOB memandang serius pelanggaran etika tersebut dan tindakan penguatkuasaan telah dimulakan terhadap juruaudit individu dan firma audit yang terbabit.



Kerjasama

- **Kajian bersama oleh AOB, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)** mengenai *Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan (EAR): Ulasan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia*, yang menampilkan tinjauan ke dalam komunikasi antara juruaudit dengan jawatankuasa audit dan persepsi serta tingkah laku pelabur.
- **Dialog AOB dengan Badan-badan Profesional**, dimana pemerhatian susulan pemeriksaan yang dijalankan dikongsi. AOB juga memudah cara perbincangan dan sesi sumbang saran bersama profesion audit mengenai langkah terbaik untuk menambah baik kualiti audit di Malaysia.
- **Perbincangan Tahunan AOB dengan Juruaudit PIE dan Kumpulan Wang Jadual**, di mana lebih banyak maklumat tentang *Laporan Pemeriksaan Tahunan 2017 AOB* dan pengumuman Kriteria Pendaftaran Baharu dengan AOB dikongsi.

Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB

AOB menjalankan pemeriksaan lazim ke atas firma audit dan juruaudit individu untuk menilai kepatuhan mereka terhadap piawaian audit dan peraturan. Sepanjang tahun-tahun yang lalu, hasil pemeriksaan AOB menimbulkan kebimbangan bahawa:

- Terdapat firma audit yang tidak mempunyai kapasiti dalaman yang mencukupi di peringkat rakan kongsi untuk melaksanakan pengauditan PIE dan kumpulan wang jadual secara berkesan dan mematuhi keperluan penggiliran rakan kongsi di bawah Undang-undang Kecil MIA;
- Terdapat firma audit yang ditubuhkan secara sah semata-mata untuk menerima tugas pengauditan PIE. Walau bagaimanapun, dalam intipatinya, firma audit tersebut mendapatkan khidmat daripada sumber luar untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab rakan kongsi tugas (EP) dan / atau rakan kongsi semakan kawalan kualiti tugas (EQCR). Akibatnya, apabila timbul masalah berkaitan dengan kualiti pengauditan, firma audit tersebut tidak dapat melaksanakan pengawasan dan tadbir urus yang berkesan ke atas rakan kongsi audit yang menjalankan pengauditan penyata kewangan PIE atau kumpulan wang jadual; dan
- Terdapat firma audit yang berdaftar dengan AOB selama beberapa tahun, namun belum pernah menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi sebarang PIE atau kumpulan wang jadual sepanjang tempoh pendaftaran mereka. Ini menimbulkan persoalan sama ada firma audit tersebut benar-benar berniat untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan PIE atau kumpulan wang jadual.

Sehubungan ini, pada 2018, AOB memulakan semakan terperinci terhadap kriteria pendaftarannya yang sedia ada untuk memastikan fokus pengawalannya kekal terkini dan relevan serta sejajar dengan bidang tumpuan yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik AOB 2017-2020. Maklumat lanjut mengenai semakan tersebut akan dibentangkan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2018*.

Diagram 2

Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB – Garis Masa Projek

Jan–Jun 2018

Semakan terperinci dijalankan ke atas kriteria pendaftaran AOB yang sedia ada dengan mempertimbangkan:

- Pengalaman dan pemerhatian pemeriksaan AOB sehingga kini.
- Kajian bidang kuasa dan pengalaman pengawal selia audit lain.

Jul 2018

Pembabitian bersama profesion audit, cth: Dialog bersama Badan-Badan Profesional.

Ogos 2018

Mengumumkan Kriteria Baharu Pendaftaran dalam sesi Perbincangan Tahunan AOB dengan Juruaudit PIE dan Kumpulan Wang Jadual.

Jan 2020

- Kriteria Pendaftaran Baharu AOB berkuat kuasa sepenuhnya; dan
- Semua firma audit dan juruaudit individu yang ingin berdaftar atau berdaftar dengan AOB dikehendaki mematuhi sepenuhnya Kriteria Baharu Pendaftaran.

Kriteria Baharu Pendaftaran berkuat kuasa pada **16 Ogos 2018**. Walau bagaimanapun, firma audit dan juruaudit individu yang telah berdaftar dengan AOB setakat 16 Ogos 2018 diberi lanjutan masa sehingga **1 Januari 2020** untuk memastikan pematuan terhadap kriteria baharu tersebut.

Lanjutan daripada semakan tersebut, yang menggabungkan input daripada profesion audit, AOB mengumumkan Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB di Perbincangan Tahunan AOB bersama Juruaudit PIE dan Kumpulan Wang Jadual pada 16 Ogos 2018. Untuk menangani perkara berbangkit di atas, kriteria di bawah dirancang khas untuk membolehkan firma audit di Malaysia untuk terus berkembang dan meningkatkan kapasiti mereka untuk tujuan mengukuhkan kualiti audit dan mencapai hasil yang diinginkan:

Penambahbaikan kapasiti dalaman firma audi

Minimum tiga orang rakan kongsi audit dalam firma tersebut mesti be daftar dengan AOB bagi pengauditan PIE dan kumpulan wang jadual

Pengukuhan tadbir urus firma audit berkaitan dengan rakan kongsi auditnya

Sesebuah firma audit yang be daftar dengan AOB harus memastikan bahawa semua **rakan kongsi auditnya yang berdaftar dengan AOB berkhidmat untuk satu firma audit sahaja pada setiap masa**. Individu yang memohon untuk berdaftar dengan AOB mestilah seorang rakan kongsi audit yang berkhidmat untuk satu firma audit sahaja, kecuali setelah mendapat pengecualian daripada AOB

Peningkatan kebertanggungjawaban firma audit terhadap proses EQCR

EQCR pengauditan PIE atau kumpulan wang jadual mesti dijalankan oleh rakan kongsi yang berdaftar dengan AOB dari **firma audit yang sama yang dilantik sebagai juruaudit** PIE atau kumpulan wang jadual tersebut

Penglibatan berterusan dalam pelanggan audit PIE atau kumpulan wang jadual

Pendaftaran berterusan sesebuah firma audit dengan AOB **adalah tertakluk kepada firma audit tersebut mempunyai sekurang-kurangnya satu pelanggan audit PIE atau kumpulan wang jadual dalam tempoh 24 bulan yang lepas**

MEMPERKASA TUMPUAN TERHADAP PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Selaras dengan Seksyen 31V (1) Bahagian IIIA *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA), AOB menjalankan pemeriksaan lazim ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual dengan objektif untuk menggalakkan pengauditan berkualiti tinggi dan penyata kewangan yang teraudit yang andal.

Dalam membangunkan dan melaksanakan program pemeriksaannya, AOB mengamalkan pendekatan berasaskan risiko yang mengambil kira kesan kegagalan audit terhadap pasaran modal dan keyakinan orang ramai.

Maklumat lanjut mengenai program pemeriksaan, termasuk pemerhatian pemeriksaan yang umum, analisis trend dan usaha pemulihan yang diambil oleh firma audit yang diperiksa akan dibentangkan secara berasingan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2018*.

Diagram 3

Liputan Pemeriksaan 2018

6 Firma Audit Utama



7 Firma Audit Lain



Sorotan Pemeriksaan 2018

- Menjalankan pemeriksaan lazim dengan tumpuan kepada trend ekonomi, keseimbangan pasaran dan perkembangan dalam bidang audit, perakaunan dan pengawalseliaan berikut:
 - Pelaksanaan tahun kedua Piawaian *Pelaporan Juruaudit yang Baharu dan Disemak Semula* yang berkuat kuasa untuk audit bagi tahun penyata kewangan berakhir pada atau selepas 15 Disember 2016;
 - PIE yang menghadapi isu usaha berterusan perniagaan; dan
 - Penggunaan instrumen Analitik Data (DA) oleh Empat Firma Audit Besar.
- Meningkatkan bilangan pemeriksaan khas sebagai maklum balas terhadap risiko yang baru dikenal pasti pada 2018.
- Tindakan yang dilaksanakan pada 2018 meliputi:
 - Mengenakan syarat tambahan pendaftaran terhadap firma audit dan juruaudit individu yang telah diperiksa sementara menunggu prosiding penguatkuasaan berakhir. Tindakan tegas ini dilaksanakan buat kali pertama oleh AOB kerana pemerhatian pemeriksaan yang sangat serius dan untuk mengurangkan risiko potensi kegagalan dan kesan kepada pasaran modal;
 - Langkah pemulihan khusus dikenakan ke atas firma audit dan juruaudit individu tertentu yang telah diperiksa; dan
 - Merujuk firma audit dan juruaudit individu tertentu yang telah diperiksa termasuk rakan kongsi EQCR kepada Jabatan Penguatkuasaan SC kerana hasil pemerhatian pemeriksaan yang sangat serius.
- Penerbitan *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2017* yang pertama dan seterusnya pengedaran laporan tersebut kepada semua PLC dalam usaha untuk memudah cara dan meningkatkan komunikasi dan pembabitan bersama antara Lembaga Pengarah dan / atau Jawatankuasa Audit dengan juruaudit mereka. AOB amat menggalakkan lembaga pengarah dan jawatankuasa audit mereka untuk memahami dan membincangkan pemerhatian dan trend yang dinyatakan dalam laporan ini bersama dengan juruaudit masing-masing untuk memastikan bahawa bidang risiko khusus kepada entitinya dapat ditangani dengan secukupnya.

KEPUTUSAN PENGUATKUASAAN YANG TERTUMPU DAN BERKESAN

Buat kali pertama, pada 2018 AOB telah mengenakan sekatan terhadap juruaudit kerana gagal menjalankan tugas mereka sebagai rakan kongsi EQCR dengan berkesan dan AOB juga menarik balik pengiktirafan firma audit dan juruaudit individu asing.

Rakan kongsi EQCR memainkan peranan penting dalam proses kawalan kualiti sesuatu pengauditan dan juga kunci untuk menjaga kualiti audit. Tindakan ke atas rakan kongsi EQCR mengukuhkan tanggungjawab pengawasan dalam sesuatu tugas audit.

Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan oleh AOB sepadan dengan sifat dan tahap keseriusan kesalahan. AOB mengenakan tindakan yang lebih tegas dalam kes-kes melibatkan pelbagai kegagalan untuk melaksanakan prosedur audit, kegagalan dalam hal audit utama, kegagalan untuk bekerjasama, serta menyediakan maklumat yang benar dan tepat pada masanya kepada SC, kegagalan untuk kekal layak dan sesuai dan kegagalan mematuhi piawaian etika.

Dalam menentukan tindakan penguatkuasaan yang sesuai, AOB mempertimbangkan hasil yang ingin dicapai. Untuk mengurangkan risiko kegagalan kepada pasaran modal di masa hadapan, AOB mengenakan sekatan terhadap juruaudit dan firma audit be daftar daripada mengaudit sebarang PIE atau kumpulan wang jadual dan/atau menerima mana-mana PIE dan kumpulan wang jadual sebagai pelanggan. Ini termasuk situasi di mana AOB mendapati firma audit dan/atau juruaudit kekurangan kapasiti dan keupayaan yang mungkin memberi kesan kepada kualiti pengauditan PIE dan kumpulan wang jadual. Tempoh sekatan ditentukan oleh AOB setelah mempertimbangkan fakta kes tersebut.

Penalti kewangan dikenakan sebagai langkah pencegahan dan memberi isyarat tegas kepada juruaudit dan pihak berkepentingan kesalahan tidak mematuhi piawaian pengauditan, undang-undang dan peraturan adalah dianggap serius oleh AOB.

Diagram 4

Tindakan Penguatkuasaan pada 2018



Nota: *Daripada 6 Sekatan, 4 termasuk penalti kewangan berjumlah RM475,000.

#Daripada 5 Celaan, 1 termasuk penalti kewangan sebanyak RM225,000.

Diagram 5

Pemerhatian penguatkuasaan AOB

Pemerhatian Semakan Firma

- Jurang pematuhan yang amat ketara dalam elemen *Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti (ISQC)* 1 yang menjejaskan kualiti tugas
- Kurang komitmen daripada kepimpinan firma audit dalam memastikan kualiti pengauditan

Pemerhatian Semakan Tugas

- Kegagalan mewujudkan dan melaksanakan prosedur pengauditan dalam bidang audit utama, termasuk perancangan dan penilaian risiko, penggabungan dan audit di pelbagai lokasi
- Kurang skeptisisme profesional dalam pelaksanaan tugas audit
- Pelanggaran piawaian etika
- Rakan kongsi EQCR tidak bekesan ketika menyemak tugas audit

AOB mengkehendaki firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dengannya untuk kekal layak dan sesuai pada setiap masa. Pada 2018, AOB membatalkan pendaftaran juruaudit kerana gagal untuk kekal layak dan sesuai. Lembaga Pemantauan Perakaunan Syarikat Awam Amerika Syarikat (PCAOB) berkongsi maklumat dengan AOB mengenai tindakan penguatkuasaannya terhadap juruaudit tersebut, yang antara lain termasuk pelanggaran keperluan kebebasan. Kebebasan adalah asas penting bagi sesuatu tugas audit dan AOB sangat jelas dengan kehendaknya bahawa pelanggaran yang berkaitan dengan piawaian etika tidak akan diterima sama sekali.

Pengiktirafan sebuah firma audit yang berpangkalan di Singapura dan rakan kongsinya ditarik balik oleh AOB kerana kegagalan mereka untuk bekerjasama dengan SC. Firma audit tersebut dan rakan kongsinya gagal bekerjasama memenuhi permintaan untuk mendapatkan bukti audit berkaitan dengan suatu pelanggan audit, sebuah PLC dan anak syarikatnya, dalam masa yang ditetapkan.

AOB mengambil tindakan terhadap firma audit, EP dan rakan kongsi EQCR bagi pemerhatian yang

ditemui dalam semakan tugas terhadap tiga PLC. Firma audit, EP dan rakan kongsi EQCR tersebut dilarang daripada mengaudit penyata kewangan sesuatu PIE atau kumpulan wang jadual selama sembilan bulan. Di samping itu, EP dan firma audit masing-masing didenda RM81,000 dan RM227,000.

AOB juga telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap firma audit lain, EP dan rakan kongsi EQCR kerana kegagalan yang ditemui dalam pemeriksaan berhubung dengan sebuah PLC. Firma audit, EP dan rakan kongsi EQCR tersebut dilarang menerima pelanggan audit daripada mana-mana PIE atau kumpulan wang jadual dan dilarang mengaudit mana-mana PIE atau kumpulan wang jadual selama 12 bulan. Firma audit dan EP terbabit juga masing-masing dikenakan penalti monetari sebanyak RM123,000 dan RM44,000.

AOB mengenakan lima cecairan kerana kegagalan mematuhi keperluan tertentu *Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA)*. Salah satu cecairan termasuk penalti kewangan sebanyak RM225,000.

Penguatkuasaan Strategik

Fungsi penguatkuasaan AOB adalah komponen penting misinya untuk menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit PIE dan kumpulan wang jadual di Malaysia. Tindakan penguatkuasaannya bukan sekadar mengambil tindakan ke atas pihak yang berdaftar atas kesalahan ketidak patuhan, tetapi juga digunakan untuk mencegah pihak lain daripada terlibat dalam tingkah laku yang sama.

Diagram 6

Prinsip-Prinsip Kawal Selia AOB

Berkadaran

AOB tidak mengambil tindakan yang melebihi apa yang diperlukan untuk mencapai objektif penguatkuasaan strategik.

Kecekapan

AOB menyedari bahawa untuk mencapai kesan yang diperlukan, sesuatu hal harus ditangani pada masa yang tepat

Mencapai keputusan yang diinginkan

AOB menumpukan untuk mengenalpasti dan memberi keutamaan kepada usaha tindakan penguatkuasaan yang akan memimpin dengan berkesan tingkah laku juruaudit yang berdaftar dan diiktiraf dengannya ke arah harapan AOB mengenai kelakuan dan tatalaku.

Matlamat penguatkuasaan

- Mengurangkan risiko kegagalan pada masa hadapan
- Memberi isyarat tegas bahawa ketidak patuhan terhadap piawaian pengauditan, piawaian etika, undang-undang dan peraturan akan dikenakan tindakan serius
- Mempengaruhi secara positif tingkah laku firma dan juruaudit individu yang melakukan pelanggaran
- Memastikan tindakan kawal selia yang dilaksanakan oleh AOB adalah konsisten

KOMUNIKASI DAN KERJASAMA YANG BERKESAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Kualiti pelaporan kewangan merupakan tanggungjawab bersama antara pengarah, pengurusan, juruaudit, dan pengawal selia. Pada 2018, AOB terus berhubung dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Penglibatan dan sumbangan berterusan AOB di peringkat global dan serantau menerusi Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) memudah cara perkongsian bersama maklumat mengenai amalan terbaik pengawalseliaan audit. AOB berkongsi trend dan amalan baik di Malaysia hasil pemerhatian daripada kajian bersama AOB, MIA dan ACCA mengenai *Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan: Semakan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia* yang dilancarkan pada Januari 2018. AOB kemudiannya berkongsi pengalamannya dengan rakan-rakan pengawal selia yang berminat untuk menjalankan kajian yang sama di negara masing-masing.

Diagram 7

Usaha-usaha kerjasama dan pembinaan kapasiti AOB pada 2018

Pengarah dan Pengurusan

- Kerjasama erat bersama Jabatan Pemantauan Korporat SC dan Bursa Malaysia untuk pembabitan bersama pengarah dan pengurusan PLC serta berkongsi masalah dan pemerhatian utama yang ditemui semasa AOB menjalankan pemeriksaan.

Juruaudit

- Terus berkongsi keperluan kawal selia AOB dan pemerhatian pemeriksaan yang umum melalui sesi pengucapan dan Perbincangan Tahunan AOB dengan Juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.
- Pembabitan Bersama profesion audit untuk mengenal pasti penyelesaian untuk menangani pemerhatian pemeriksaan yang umum, cth. melalui Dialog dengan Badan-badan Profesional.

Pengawal selia

- Meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara untuk memperkasa proses pelesenan audit
- Mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat serantau untuk menyumbang buah fikiran dan kebimbangan kawal selia berdasarkan pengalaman AOB yang berkaitan dengan kertas rundungan, *Strengthening the Governance and Oversight on the International Audit-Related Standard Setting Boards in the Public Interest*, yang dikeluarkan oleh Monitoring Group¹
- Berkongsi pengalaman penting pemantauan audit dan pengawalseliaan dengan pihak berkuasa luar seperti Kementerian Kewangan Republik Rakyat China, Lembaga Pemantauan Audit Pakistan dan Pihak Berkuasa Pasaran Modal Arab Saudi

¹ The Monitoring Group terdiri daripada Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (BCBS), Suruhanjaya Eropah (EC), Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB), Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (IAIS) dan Kumpulan Bank Dunia (WBG) dan IFIAR.

SEPINTAS LALU PEMBABITAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA PADA 2018

25 JANUARI 2018

Kajian Bersama AOB-MIA-Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) mengenai *Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan: Ulasan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia*

AOB bersama dengan MIA dan ACCA mengeluarkan *Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan (EAR): Ulasan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia*. Kajian ini meneliti kesan daripada generasi pertama EAR yang diterbitkan di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada komunikasi juruaudit dengan jawatankuasa audit dan persepsi serta tingkah laku pelabur.

Keputusan kajian ini adalah berdasarkan kajian terhadap EAR dan laporan tahunan daripada 190 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kajian ini juga termasuk tinjauan dan maklum balas kumpulan fokus daripada lebih 170 ahli jawatankuasa audit dan pelabur.

Pemerhatian utama:

- Perbincangan jawatankuasa audit mengenai risiko pelaporan kewangan dengan juruaudit dan pengurusan lebih tertumpu dan mantap, seterusnya meletakkan jawatankuasa audit di kedudukan yang lebih baik untuk memastikan kebertanggungjawaban bagi pihak pelabur;
- Proses pengauditan telah dipertingkatkan melalui penglibatan lebih aktif rakan kongsi audit dalam perbincangan dengan jawatankuasa audit disebabkan keperluan kepada pertimbangan dan

perbincangan yang lebih mendalam tentang Hal Audit Utama (KAM);

- Pasukan pengurusan mengambil lebih banyak usaha untuk menambah baik penzahiran dalam laporan tahunan, berikutan daripada perbincangan mengenai KAM; dan
- EAR telah menambahbaik kerelevanan dan nilai laporan juruaudit. Pelabur memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko pelaporan kewangan syarikat yang mereka laburi dan proses pengauditan.

Laporan penuh boleh didapati di laman sesawang SC.



30 JANUARI 2018

Rundangan Meja Bulat Kumpulan Pemantauan mengenai Tadbir Urus Lembaga Penetapan Piawaian Berkaitan Audit

AOB berkongsi pengalaman dan pandangan pengawalseliaannya terhadap kertas rundangan Kumpulan Pemantauan, *Strengthening the Governance and Oversight on the International Audit-Related Standard Setting Boards in the Public Interest*, di perbincangan meja bulat global anjuran Autoriti Pengawalseliaan, Perakaunan dan Korporat Singapura (ACRA).

20-22 FEBRUARI 2018

Bengkel Pemeriksaan IFIAR ke-12

AOB memudah cara satu sesi dan berkongsi pandangan mengenai pengalaman, trend dan amalan terbaik yang diperhatikan daripada pengalaman pelaksanaan tahun pertama EAR di Malaysia dan Singapura di Bengkel Pemeriksaan IFIAR ke-12 yang dianjurkan oleh Lembaga Pemantauan Piawaian Perakaunan dan Pengauditan Sri Lanka. Sesi ini juga menampilkan perkongsian pengalaman oleh pengawal selia audit dari UK dan Switzerland. Bengkel tahunan tersebut dihadiri oleh lebih 110 peserta yang mewakili 40 pengawal selia audit dari seluruh dunia.

11 APRIL 2018

Pembabitan AOB bersama MIA

AOB memberi penekanan pemerhatian dan trend umum yang ditemui oleh AOB semasa pemeriksaan firma audit dan juruaudit individu dengan MIA

16-19 APRIL 2018

Mesyuarat Pleno Tahunan IFIAR

Di Mesyuarat Pleno IFIAR 2018 anjuran Lembaga Akauntabiliti Awam Kanada di Ottawa, Kanada, AOB menjadi penganjur bersama satu sesi dan berkongsi pandangan mengenai pengalaman, trend dan amalan terbaik yang diperhatikan daripada pengalaman pelaksanaan tahun pertama EAR di Malaysia.

19 JULAI 2018

Dialog AOB dengan Badan Perakaunan Profesional

AOB menganjurkan dialog dengan badan-badan perakaunan profesional di Malaysia seperti MIA, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Akauntan Pengamal Bertauliah (CPA) Australia, ACCA dan Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW).

Dialog tersebut menyediakan wacana untuk membincangkan pemerhatian dan masalah utama daripada pemeriksaan AOB dalam kalangan badan-badan perakaunan profesional yang kemudiannya membincangkan dan mencapai persetujuan mengenai cara terbaik untuk meningkatkan kualiti audit di Malaysia. Pandangan mereka dimasukkan ke dalam Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB.

Badan-badan perakaunan profesional juga diminta untuk mempertimbangkan dan menyampaikan kebimbangan AOB dalam aktiviti pembinaan kapasiti yang dianjurkan untuk ahli masing-masing. AOB terus mengalu-alukan undangan untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi pengalaman pengawalseliaan dan kehendak dalam acara-acara yang dianjurkan untuk pihak berkepentingan yang berkaitan.

31 JULAI-1 OGOS 2018

Bengkel Pemeriksaan AARG 2018

AOB berkongsi perkembangan terkini pengawalseliaan dan pengalaman serta pemerhatian pelaksanaan EAR di Malaysia, serta melakukan pembentangan dan memudah cara perbincangan mengenai cabaran dalam pengauditan bidang pertimbangan dan kompleks ketika Bengkel Pemeriksaan AARG 2018 di Jakarta anjuran Pusat Pembinaan Profesi Keuangan, Indonesia.

Pengawal selia dari 11 negara dan wakil IFIAR, Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan menghadiri bengkel serantau tahunan tersebut.

31 JULAI-1 OGOS 2018

Mesyuarat AARG bersama Firma Audit 2018

Susulan Bengkel Pemeriksaan AARG, AOB juga terlibat dalam Mesyuarat Tahunan AARG dengan Empat Firma Audit Besar 2018. Mesyuarat bersemuka antara AARG dan kepimpinan Empat Firma Audit Besar dari Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Singapura telah diadakan. Perkara yang dibincangkan termasuk perkembangan utama firma audit dan inisiatif untuk meningkatkan kualiti audit, kesan inovasi audit dan teknologi terhadap firma dan audit mata wang kripto.

16 OGOS 2018

Perbincangan AOB dengan Juruaudit PIEs dan Kumpulan Wang Jadual

AOB menganjurkan Perbincangan tahunan AOB dengan Juruaudit PIE dan Kumpulan Wang Jadual yang dihadiri oleh kepimpinan dan wakil dari semua firma audit yang berdaftar dengan AOB.

Maklumat dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan 2017* AOB yang pertama serta pemerhatian pemeriksaan yang umum dari semakan peringkat firma audit dan peringkat tugas telah dikongsi. Antara perkara yang diketengahkan termasuk perkongsian perkembangan dalam piawaian audit dan peraturan, serta gambaran keseluruhan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh AOB baru-baru ini.

AOB juga mengumumkan rangka kerja pendaftaran AOB yang dipertingkatkan dan Kriteria Baharu Pendaftaran dengan AOB.



19 OKTOBER 2018

Pemodenan ISA 315 – Pindaan Utama

Sebagai ahli panel di perbincangan yang dianjurkan oleh MIA, AOB berkongsi pandangannya mengenai cadangan ISA 315 (Disemak Semula), *Mengenalpasti dan Menilai Risiko Salah Nyata Material*. Sesi ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan mendapatkan maklum balas daripada ahli MIA berhubung cadangan pindaan utama kepada ISA 315 (Disemak Semula).

BAHAGIAN DUA PENYATA



AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



**DATO'
DARAWATI
HUSSAIN**



**EUGENE
WONG WENG
SOON**



**ALEX OOI
THIAM POH**



**DATO' GUMURI
HUSSAIN**



**DATO' ZAHRAH
ABD WAHAB
FENNER**



**WONG
CHONG WAH**



HEW EE-LU

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



DATO' GUMURI HUSSAIN

Dilantik Pengerusi Eksekutif 18 November 2016

Diubah jawatan Pengerusi Bukan Eksekutif 24 November 2017

Dato' Gumuri Hussain merupakan Ahli Lembaga SC dari 2006 sehingga 2016 dan Ahli Bukan Eksekutif AOB dari 2012 sehingga 2016. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif pada 18 November 2016 dan telah diubah jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 24 November 2017.

Dato' Gumuri memiliki 45 tahun pengalaman dalam bidang audit, perakaunan dan sektor korporat. Beliau pernah menjawat Rakan Kongsi Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau pernah menjadi Pengerusi SME Bank dan Pengerusi Bukan Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Bhd dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Bhd. Beliau juga pernah menjawat Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia Bhd. Beliau pernah memegang jawatan dalam Lembaga Pengarah dalam pelbagai PLC termasuk Media Prima Bhd, Malaysian Airline System Bhd dan Metrod Bhd.

Dato' Gumuri merupakan Felo ICAEW, Akauntan Bertauliah MIA dan ahli MICPA.



ALEX OOI THIAM POH

Dilantik Pegawai Eksekutif 24 November 2017

Alex Ooi Thiam Poh dilantik sebagai Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017. Alex mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang jaminan dan khidmat nasihat dalam industri pembangunan hartanah dan pembinaan, hospitaliti, pembuatan, perdagangan, media, teknologi dan perladangan. Pengalaman beliau termasuk audit berkanun PLC dan syarikat multinasional, tawaran awam awal (IPO), audit dalaman, pengurusan risiko dan khidmat nasihat korporat dan penyusunan semula. Alex pernah menjadi Rakan Audit BDO Malaysia dan Deloitte Malaysia.

Sebelum ini, Alex merupakan Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia dari 2013 hingga 2014 dan ahli Jawatankuasa Penasihat Amalan Awam CPA Australia. Beliau juga merupakan bekas ahli Majlis MIA. Beliau pernah terlibat dalam Jawatankuasa MIA seperti Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan, Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal dan Jawatankuasa Pendidikan. Beliau kini mewakili AOB sebagai pemerhati dalam Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan MIA dan Lembaga Piawaian Etika.

Alex ialah Felo CPA Australia, ahli ICAEW dan Akauntan Bertauliah MIA.

DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif 3 Jun 2015

Dato' Zahrah ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Dato' Zahrah berpengalaman dalam hal kewangan dan pengauditan dan sebelum ini pernah memegang jawatan sebagai Akauntan Penasihat bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia dan Akauntan Utama bagi Kementerian Luar Negeri.

Dato' Zahrah ialah Ahli Lembaga bagi Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah dan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan. Dato' Zahrah juga ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pada tahun 2018, Dato' Zahrah dilantik semula sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (jawatan yang dipegangnya sejak tahun 2016).

Dato' Zahrah berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Dato' Zahrah ialah seorang Akauntan Berkanun MIA.



EUGENE WONG WENG SOON

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif 1 Mac 2016

Eugene Wong Weng Seng merupakan Pengarah Urusan Kewangan Korporat dan Pelaburan, SC dan bertanggungjawab ke atas hal-hal berkaitan Kewangan Korporat dan Pelaburan yang merangkumi IPO, Penerbitan Hutang Swasta, Skim Pelaburan Kolektif dan Pengambilalihan. Beliau bertanggungjawab ke atas hal-hal perakaunan dan juga menyelia inisiatif SC berkaitan ASEAN dan merupakan Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Kewangan Hijau Forum Pasaran Modal ASEAN.

Eugene kini menjadi Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Beliau pernah menjadi Ahli Majlis MIA dan Pengerusi Lembaga Piawaian Etika MIA.

Eugene memiliki pengalaman bekerja dengan bank saudagar, firma pembrokeran saham dan di bahagian audit dan kewangan korporat firma perakaunan antarabangsa.

Eugene ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo Akauntan Bertauliah Australia dan New Zealand dan Felo CPA Australia. Beliau mempunyai kelulusan Diploma Lanjutan dalam Kewangan Korporat dari ICAEW dan B. Comm. dari University of Melbourne.





WONG CHONG WAH

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif 1 April 2016

Wong Chong Wah ialah rakan kongsi di Wong & Wong. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 40 tahun dalam bidang perundangan termasuk litigasi dan penyelesaian pertikaian alternatif, undang-undang korporat dan perkongsian, percukaian, duti kastam & eksais, pengambilan tanah, insurans dan fitnah. Beliau berkhidmat sebagai peguam di Malaysia, Singapura dan Brunei. Beliau telah dinobatkan sebagai salah seorang litigator komersial terkemuka oleh International Who is Who's of Commercial Litigation selama beberapa tahun.

Beliau bertindak sebagai peguam kepada hakim Mahkamah Persekutuan dalam Tribunal Perlembagaan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai wakil tunggal Malaysia di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa bagi Dewan Perniagaan Antarabangsa dari 2004 sehingga 2012. Beliau menganggotai panel penimbangtara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (dahulunya dikenali sebagai Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur) dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Malaysia.

Beliau ialah felo Institut Cukai Bertauliah Malaysia. Beliau juga ialah ahli panel Jawatankuasa Tatatertib Majlis Peguam.



DATO' DARAWATI HUSSAIN

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif 1 April 2016

Dato' Darawati Hussain ialah Pengarah Syalin Sdn Bhd. Beliau pernah memegang jawatan Pengarah, Dana dan Perhubungan Pelabur Bersama di Bahagian Strategi dan Pelaburan Strategik Kumpulan, Kumpulan CIMB (Malaysia).

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam kewangan korporat, pengurusan aset dan ekuiti swasta. Beliau berkhidmat sebagai seorang pengurus portfolio ekuiti Eropah untuk syarikat pengurusan dana Amerika Syarikat dengan aset dibawah pengurusan bernilai AS\$70 bilion.

Dato' Darawati ialah Pengerusi RHB Private Equity Holdings Sdn Bhd dan Pengarah Bebas Magna Prima Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd dan RHB Investment Bank Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah dalam beberapa syarikat sendirian berhad.

Dato' Darawati ialah mantan Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia dan ahli jawatankuasa Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia di bawah naungan SC.

Beliau memiliki ijazah sarjana muda dalam Ekonomi dan Perakaunan dari Durham University, UK dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari London Business School, UK. Beliau juga seorang Penganalisis Kewangan Berkanun.

HEW EE-LU

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif 5 Oktober 2018

Hew Ee-Lu mempunyai pengalaman pengawalseliaan dalam sektor perkhidmatan kewangan selama hampir 20 tahun. Sebagai aktuari terlatih di BNM, beliau terlibat dalam membangunkan rangka kerja kecukupan modal bagi sektor insurans, melaksanakan pembaharuan dalam pasaran insurans domestik dan menyediakan khidmat nasihat teknikal bagi pelbagai inisiatif dasar.

Dengan peranannya sekarang sebagai Pengarah Jabatan Penyeliaan Insurans dan Takaful, beliau bertanggungjawab terhadap pengawasan berhemat syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia.

Beliau ialah Felo Institut Aktuari UK dan juga menamatkan pengajian dari London School of Economics, UK dan Cass Business School.



PERNYATAAN TADBIR URUS

Mengenai Lembaga Pemantauan Audit

AOB telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu SC melaksanakan peranan kawal selianya melalui pengawalseliaan juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit. Di samping itu AOB juga menjalankan pemantauan terhadap mana-mana pihak yang menyediakan laporan yang berkaitan dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual yang berkaitan dengan aktiviti pasaran modal.

Tanggungjawab, kuasa serta autoriti AOB dinyatakan dalam Bahagian IIIA SCMA.

Ahli Lembaga AOB

SC melantik ahli Lembaga AOB. Ahli Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif dan lima orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang merupakan wakil daripada pengawal selia, iaitu BNM dan SSM, profesion perundangan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Profil Ahli Lembaga AOB dipaparkan di halaman 26 hingga 29.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula selepas tamat tempohnya manakala ahli-ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh 2 tahun dan layak untuk lantikan semula.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga Pengarah AOB sekiranya beliau:

- Disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- Diisytiharkan mufliis
- Gagal menghadiri tiga mesyuarat Lembaga AOB berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- Tidak mampu melaksanakan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga AOB untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga AOB. Setelah penzahiran dibuat, beliau:

- Tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga AOB atau jawatankuasanya; dan
- Tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga AOB atau jawatankuasanya yang berkaitan.

Tanggungjawab Lembaga AOB

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA.

Tanggungjawab Lembaga AOB termasuk:

- Melaksanakan dasar dan program bagi memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia;
- Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE atau kumpulan wang jadual menurut SCMA;

- Mengarahkan MIA supaya menubuhkan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipakai oleh juruaudit;
- Menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit berdaftar untuk menilai tahap pematuan piawaian pengauditan dan etika;
- Menjalankan siasatan dan mengenakan sekatan yang sesuai terhadap juruaudit berdaftar yang tidak mematuhi piawaian pengauditan dan etika;
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi penambahbaikan tahap penzahiran kewangan PIE atau kumpulan wang jadual;
- Berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk menambah baik kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa;
- Menjalankan pemeriksaan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal, sebagaimana yang dikehendaki untuk disediakan di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC; dan
- Melaksanakan kewajipan atau fungsi lain yang perlu atau sesuai untuk menggalakkan piawaian profesional yang tinggi bagi juruaudit berdaftar dan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan audit yang diberikan oleh juruaudit berdaftar.

Mesyuarat Lembaga AOB

Sebanyak lapan mesyuarat Lembaga AOB diadakan pada tahun ini. Kuorum yang diperlukan adalah tiga orang ahli hadir.

Rekod kehadiran ahli Lembaga AOB dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga AOB

Ahli Lembaga AOB	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan Eksekutif)	8/8
Alex Ooi Thiam Poh (Ketua Eksekutif)	8/8
Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner	3/8
Eugene Wong Weng Soon	7/8
Wong Chong Wah	8/8
Dato' Darawati Hussain	8/8
Marzunisham Omar*	5/6
Hew Ee-Lu**	2/2

* Bersara pada 25 September 2018

** Dilantik pada 5 Oktober 2018

Jawatankuasa AOB


Jawatankuasa Pendaftaran telah ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit oleh AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan membuat saranan kepada Lembaga AOB untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

1. Dato' Gumuri Hussain
2. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner
3. Eugene Wong Weng Soon

Pengerusi AOB mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan semasa ketiadaannya, seorang anggota Lembaga AOB yang juga merupakan ahli Jawatankuasa boleh mempengerusikan mesyuarat tersebut.

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

**PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aset			
Aset semasa			
Pelbagai penghutang	4	8,307	159,973
Pelaburan lain	5	730,024	190,333
Tunai dan bersamaan tunai	6	382,912	546,781
Jumlah aset		<u>1,121,243</u>	<u>897,087</u>
Rizab			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	7.1	25,516,438	23,516,438
Defisit terkumpu	7.2	(24,444,195)	(22,641,351)
Jumlah rizab	7	<u>1,072,243</u>	<u>875,087</u>
Liabiliti semasa			
Pemiutang lain dan akruan	8	49,000	22,000
Jumlah liabiliti		<u>49,000</u>	<u>22,000</u>
Jumlah rizab dan liabiliti		<u>1,121,243</u>	<u>897,087</u>

Nota-nota di muka surat 38 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Syed Zaid Albar
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Alex Ooi Thiam Poh
Pegawai Eksekutif
Lembaga Pemantauan Audit

Tarikh: 30 Januari 2019

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Yuran pendaftaran		3,130,200	1,865,000
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap		52,476	31,233
Penalti		533,000	75,000
		3,715,676	1,971,233
Perbelanjaan operasi			
Perbelanjaan pentadbiran	9	(5,518,520)	(5,957,836)
		(1,802,844)	(3,986,603)
Defisit sebelum cukai			
Perbelanjaan cukai	10	-	-
		(1,802,844)	(3,986,603)
Defisit bagi tahun/Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun		(1,802,844)	(3,986,603)

Nota-nota di muka surat 38 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisi terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2017	19,016,438	(18,654,748)	361,690
Dana daripada SC	4,500,000	-	4,500,000
Defisit dan jumlah perbelanjaan komp ehensif bagi tahun	-	(3,986,603)	(3,986,603)
Pada 31 Disember 2017/1 Januari 2018	23,516,438	(22,641,351)	875,087
Dana daripada SC	2,000,000	-	2,000,000
Defisit dan jumlah perbelanjaan komp ehensif bagi tahun	-	(1,802,844)	(1,802,844)
At 31 Disember 2018	25,516,438	(24,444,195)	1,072,243
	Nota 7	Nota 7	Nota 7

Nota-nota di muka surat 38 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Defisit sebelum cuka		(1,802,844)	(3,986,603)
<i>Pelarasan untuk:</i>			
Pendapatan kewangan		(52,476)	(31,233)
Defisit operasi sebelum perubahan dalam modal kerj		(1,855,320)	(4,017,836)
Perubahan dalam pelbagai penghutang		151,666	(69,339)
Perubahan dalam pelbagai pemiutang dan akruan		27,000	(4,200)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi		(1,676,654)	(4,091,375)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pendapatan kewangan		52,476	31,233
Peningkatan dalam pelaburan lain		(539,691)	(78,491)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan		(487,215)	(47,258)
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan			
Dana diterima daripada SC		2,000,000	4,500,000
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti kewangan		2,000,000	4,500,000
(Penurunan)/peningkatan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai		(163,869)	361,367
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari		546,781	185,414
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember		382,912	546,781
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	6	382,912	375,820
Deposit di bank berlesen	6	-	170,961
		382,912	546,781

Nota-nota di muka surat 38 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Umum

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam Akta, iaitu:

- a. Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- b. Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia,
- c. Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam, dan
- d. Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
 - (i) entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
 - (ii) entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
 - (iii) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

2. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) belum diguna pakai oleh AOB:

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, *Pajakan*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Rujukan Cukai Pendapatan*
- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif*

- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama* (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 112, *Cukai Pendapatan* (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 119, *Manfaat Kakitangan – Pelan Pindaan, Pemotongan atau Penyelesaian*
- Pindaan ke atas MFRS 123, *Kos Peminjaman* (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan* dan MFRS 108, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Definisi Material*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi satu tarikh yang belum ditentukan

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Gabungan: Entiti Pelaburan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama*

AOB merancang mengguna pakai piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas yang terpakai dan berkuat kuasa dari tempoh tahunan masing masing bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 dan 1 Januari 2020.

AOB tidak merancang untuk mengguna pakai MFRS 17, *Kontrak Insurans* yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021 disebabkan ianya tidak berkenaan dengan AOB.

Impak permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum AOB.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini disediakan dalam ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan mata wang fungsian bagi AOB.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset-aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan dasar andaian akan disemak dan dipinda dari semasa ke semasa. Perubahan ke atas anggaran perakaunan akan diambil kira di dalam tempoh di mana anggaran tersebut diubah dan tempoh yang berkaitan di masa hadapan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengamalan dasar-dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambil kira di dalam penyata kewangan.

3. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan secara konsisten pada semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, dan diguna pakai secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada penggunaan MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak Pelanggan* dan MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan:

- (i) instrumen kewangan;
- (ii) pengiktirafan pendapatan; dan
- (iii) kerugian rosot nilai instrumen kewangan

berbanding dengan yang diterima pakai dalam penyata kewangan terdahulu. Tiada kesan yang ketara daripada penggunaan MFRS 15. Impak daripada penggunaan MFRS 9 didedahkan dalam Nota 14.

(a) Instrumen kewangan

Kecuali dinyatakan secara khusus di bawah ini, AOB secara amnya menggunakan dasar-dasar perakaunan berikut secara retrospektif. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan dalam MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, AOB telah memilih untuk tidak menyatakan semula perbandingan tersebut.

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Tahun kewangan semasa

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

Tahun kewangan sebelum

Instrumen kewangan, diiktiraf dalam penyata kewangan bila dan hanya bila AOB menjadi pihak yang terikat secara rasmi kepada peruntukan-peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada permulaannya, pada nilai saksamanya tambah, di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang boleh dianggap berkait langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan tersebut.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Tahun kewangan semasa

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan AOB mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(c)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Tahun kewangan sebelum

Sebelum ini, AOB mengkategorikan instrumen kewangan mengikut MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* seperti yang berikut:

Pinjaman dan penghutang

Aset-aset kewangan dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang adalah diukur berikutnya pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan semula bagi elaun rosot nilai (lihat Nota 3(c)).

Liabiliti kewangan

Tahun kewangan semasa

Kategori liabiliti kewangan pada pengiktirafan awal adalah seperti berikut:

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Tahun sebelum

Semua liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai kos dilunaskan.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Mengoffset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan dioffset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengoffset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad, jika ada.

(c) Rosot nilai

Aset kewangan

Melainkan dinyatakan secara khusus di bawah, AOB secara amnya menggunakan dasar-dasar perakaunan berikut secara retrospektif. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan oleh MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, AOB memilih untuk tidak menyatakan semula perbandingan tersebut.

Tahun kewangan semasa

AOB mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

AOB mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali tunai dan kesamaan tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, AOB menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah AOB dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana AOB terdedah kepada risiko kredit.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, AOB menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila AOB menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur AOB untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

Tahun kewangan sebelum

Kesemua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat daripada berlakunya satu atau lebih kejadian kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira semana boleh, tidak diiktiraf.

Kerugian rosot nilai berkait dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset dengan nilai kini anggaran nilai masa depan aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan menggunakan sebuah akaun elaun.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama aset kewangan meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku setelah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat nilai aset dibawa tidak melebihi apa yang nilai dibawa akan rosot nilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf sebagai untung atau rugi.

(d) Pendapatan

(i) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran daripada juruaudit bagi entiti kepentingan awam dikira dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

(ii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung atau rugi.

(e) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti dikira bagi amaun yang jangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan caruman

Caruman AOB ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa akan datang, jika ada.

(f) Ukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

4. Pelbagai penghutang

	2018 RM	2017 RM
Deposit	-	82,714
Prabayaran	-	75,632
Faedah boleh terima	8,307	1,627
	8,307	159,973

5. Pelaburan lain

Pelaburan lain adalah berkaitan dengan deposit yang diletakkan dengan bank berlesen dengan kematangan asal 6 bulan atau lebih. Deposit yang ditempatkan di dalam bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar antara 3.05% hingga 3.30% setahun (2017: 1.75% hingga 3.05% setahun).

Deposit daripada penalti adalah terhad untuk digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program bina upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

6. Tunai dan setara tunai

	2018 RM	2017 RM
Tunai dan baki di bank	382,912	375,820
Depositi di bank berlesen	-	170,961
	<u>382,912</u>	<u>546,781</u>

Pada tahun 2017, deposit yang ditempatkan di dalam bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar antara 1.75% hingga 3.05% setahun.

7. Jumlah dana

	Nota	2018 RM	2017 RM
Dana daripada SC	7.1	25,516,438	23,516,438
Defisit terkumpul	7.2	(24,444,195)	(22,641,351)
Jumlah dana		<u>1,072,243</u>	<u>875,087</u>

7.1 Dana daripada SC

	2018 RM	2017 RM
Sumbangan:		
Pada awal tahun	23,516,438	19,016,438
Tambahan bagi tahun	2,000,000	4,500,000
Pada akhir tahun	<u>25,516,438</u>	<u>23,516,438</u>

7.2 Defisit terkumpul

	2018 RM	2017 RM
Pada awal tahun	(22,641,351)	(18,654,748)
Kerugian bagi tahun	(1,802,844)	(3,986,603)
Pada akhir tahun	<u>(24,444,195)</u>	<u>(22,641,351)</u>

8. Pelbagai pemiutang dan akruan

	2018 RM	2017 RM
Akruan	49,000	22,000

9. Perbelanjaan pentadbiran

	2018 RM	2017 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	20,000	20,500
Bayaran honorarium	71,012	98,974
Elaun ahli bukan eksekutif	278,300	142,100
Pelbagai caj lain	398,419	229,455
Sewa premis	18,363	341,110
Kos kakitangan	4,732,426	5,125,697
	5,518,520	5,957,836

10. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007. Dengan ini, AOB turut dikecualikan daripada cukai.

11. Instrumen kewangan

11.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan pada 31 Disember 2018 yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM	AC RM
2018		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang*	8,307	8,307
Pelaburan lain	730,024	730,024
Tunai dan setara tunai	382,912	382,912
	1,121,243	1,121,243
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan	(49,000)	(49,000)

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan pada 31 Disember 2017 yang dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Pinjaman dan penghutang (L&R); dan
- (b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas (FL).

	Amaun bawaan RM	L&R /FL RM
2017		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang*	84,341	84,341
Pelaburan lain	190,333	190,333
Tunai dan setara tunai	546,781	546,781
	821,455	821,455
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan	(22,000)	(22,000)

* Tidak termasuk aset bukan kewangan

11.2 Untung bersih diperoleh daripada instrumen kewangan

	2018 RM	2017 RM
Untung bersih daripada:		
Aset kewangan pada kos terlunas	52,476	-
Pinjaman dan penghutang	-	31,233
	52,476	31,233

11.3 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kewangan kecairan sepanjang tempoh operasi normalnya. Oleh sebab AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

11.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada risiko AOB tidak berupaya mematuhi tanggungjawab kewangannya bila sampai tempoh masanya.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang dianggap mencukupi untuk membiayai operasi AOB dan menerima sokongan kewangan daripada SC untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia memenuhi tempoh.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontrak tidak didiskontak.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah 1 tahun RM
2018			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	49,000	49,000	49,000
2017			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	22,000	22,000	22,000

11.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

11.5.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, be dasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2018 RM	2017 RM
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	730,024	361,294

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan untung atau rugi.

11.6 Nilai saksama

Nilai tunai dan bersamaan tunai, pelbagai penghutang, pelbagai pemiutang dan akruan muna-sabah nilai saksama oleh sifat jangka pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan.

12. Pengurusan dana

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

13. Pemberian kebenaran penyata kewangan

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB pada 30 Januari 2019.

14. Perubahan ketara dalam dasar-dasar perakaunan

Pada tahun ini, AOB telah menerima pakai MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* dan MFRS 9, *Instrumen Kewangan* dalam penyata kewangan. Secara amnya, AOB mengaplikasi keperluan piawaian perakaunan secara retrospektif dengan bahan-bahan praktikal dan pengecualian peralihan sebagaimana yang dibenarkan oleh piawaian. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan dalam MFRS 9, AOB memilih tidak menyatakan semula perbezaannya. Tiada kesan ketara daripada penggunaan MFRS 15.

14.1 Perakaunan untuk instrumen kewangan

a. Peralihan

Dalam penggunaan MFRS 9, pengecualian peralihan berikut yang dibenarkan oleh piawaian telah diterima pakai:

- (i) AOB tidak menyatakan semula maklumat perbandingan untuk tempoh terdahulu berkenaan dengan keperluan klasifikasi dan pengukuran. Sehubungan itu, maklumat yang dibentangkan untuk tahun 2017 tidak secara amnya mencerminkan keperluan MFRS 9, tetapi sebaliknya dari MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*.
- (ii) Penilaian berikut telah dibuat berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh permohonan awal:
 - penentuan model perniagaan di mana aset kewangan dipegang
- (iii) Peruntukan kerugian bagi penghutang diiktiraf pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat sehingga penghutang tidak diiktiraf.

b. Klasifikasi aset kewangan dan liabiliti kewangan pada tarikh aplikasi awal MFRS

Jadual berikut menunjukkan kategori pengukuran di bawah MFRS 139 dan kategori pengukuran baru di bawah MFRS 9 bagi setiap kelas aset kewangan dan liabiliti kewangan AOB pada 1 Januari 2018:

Kategori di bawah MFRS 139	1 Januari 2018	
	Pengkelasan semula kepada kategori MFRS 9	
	31 Disember 2017	AC
	RM	RM
Aset kewangan		
Pinjaman dan penghutang		
Penghutang lain	84,341	84,341
Pelaburan lain	190,333	190,333
Tunai dan kesetaraan tunai	546,781	546,781
	821,455	821,455
Liabiliti kewangan		
Liabiliti kewangan lain		
diukur pada kos terlunas		
Pemiutang lain dan akruan	(22,000)	(22,000)

Pengkelasan semula daripada pinjaman dan penghutang kepada kos pelunasan

Penghutang lain, pelaburan lain, tunai dan kesetaraan tunai yang dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang di bawah MFRS 139 kini diklasifikasi semula pada kos pelunasan

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Pemantauan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 51 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas **Vignaswaran A/L Kandiah**, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2019.



Vignaswaran A/L Kandiah
Pegawai

Di hadapan saya:



Unit 50-10-1, Tingkat 10
Wisma UOA Damansara
No. 50, Jalan Dungun
Bukit Damansara
50000 Kuala Lumpur.
Tel. +603-2081 3770

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 51.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2018, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada AOB menurut Undang-undang Kecil (*Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional*) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil), dan *Kod Etika bagi Akauntan Profesional* (Kod IESBA) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan AOB, Ahli-ahli Lembaga bagi SC adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan AOB sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga bagi SC berhasrat untuk membubarkan AOB atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengenebian secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunapakai oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengengahkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan AOB di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan AOB sebagai suatu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga bagi SC, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Bertauliah



Loh Kam Hian
Nombor Kelulusan: 02941/09/2020 J
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Selangor
Tarikh: 30 Januari 2019

BAHAGIAN TIGA STATISTIK DAN LAIN-LAIN



PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN JURUAUDIT DI MALAYSIA


Jadual 1

Juruaudit berdaftar dan diiktiraf pada 31 Disember 2018

Profail firma audit	Bil firma audit	Bil juruaudit individu	Bil pelanggan audit PIE	% permodalan pasaran	Bil pelanggan audit kumpulan wang jadual	% jumlah nilai aset bersih
Firma audit berdaftar						
Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	9	216	969	96.09	1,007	98.43
Perkongsian dengan 5 – 9 rakan kongsi audit	15	59	111	0.80	9	0.04
Perkongsian dengan kurang daripada 5 rakan kongsi audit	25	63	84	3.07	26	1.53
	49	338	1,164	99.96	1,042	100.00
Firma audit asing yang diiktiraf						
	3	9	7	0.04	-	-
JUMLAH	52	347	1,171	100.00	1,042	100.00


Carta 1

Statistik pendaftaran 5 tahun



Carta 2

Statistik pengiktirafan 5 tahun



Nota: Juruaudit kumpulan wang jadual adalah tertakluk kepada rejim pendaftaran AOB berkuatkuasa daripada 15 September 2015.

Sumber: AOB

Sumber: AOB

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Bil.	Juruaudit	Tindakan yang diambil
Kegagalan untuk kekal sebagai layak dan sesuai menurut Seksyen 31P SCMA		
1.	Tan Chin Huat dari STYL Associates.	1. Pendaftaran dibatalkan oleh AOB.
Kegagalan untuk mematuhi Notis yang dikeluarkan di bawah Seksyen 152 SCMA		
2.	RT LLP, juruaudit bagi sebuah syarikat yang diperbadankan di luar negara yang disenaraikan di Bursa Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016.	1. Pengiktirafan ditarik balik oleh AOB.
3.	Su Chun Keat dari RT LLP, rakan kongsi tugas audit sebuah syarikat yang diperbadankan di luar negara yang disenaraikan di Bursa Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016.	1. Pengiktirafan ditarik balik oleh AOB.
Kegagalan untuk mematuhi keperluan ISQC 1		
4.	McMillan Woods Mea, juruaudit bagi sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 12 bulan; 2. Dilarang daripada menerima PIE atau kumpulan wang jadual sebagai pelanggan bagi tempoh 12 bulan; dan 3. Penalti kewangan sebanyak RM123,000.
5.	Siew Boon Yeong & Associates, juruaudit bagi 3 PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, 31 Januari 2017 dan 31 Mac 2017.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 9 bulan; dan 2. Penalti kewangan sebanyak RM227,000.
Kegagalan untuk mematuhi beberapa keperluan ISA dalam pelaksanaan audit sebuah PIE		
6.	Mea Fatt Leong dari McMillan Woods Mea, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 12 bulan; 2. Dilarang daripada menerima PIE atau kumpulan wang jadual sebagai pelanggan bagi tempoh 12 bulan; dan 3. Penalti kewangan sebanyak RM44,000.
7.	Dato' Siew Boon Yeong dari Siew Boon Yeong & Associates, rakan kongsi tugas audit bagi buah 3 PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, 31 Januari 2017 dan 31 Mac 2017.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 9 bulan; dan 2. Penalti kewangan sebanyak RM81,000.
8.	Elwyn Tang Boon Hiap dari CHI-LLTC, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2015.	1. Celaan; dan 2. Penalti kewangan sebanyak RM225,000.
9.	Chuah Soo Huat dari PKF, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.	1. Celaan.

Bil.	Juruaudit	Tindakan yang diambil
Kegagalan untuk mematuhi beberapa keperluan ISA dalam pelaksanaan audit sebuah PIE (<i>sambungan</i>)		
10.	Gary Yong Yoon Shing dari Nexia SSY, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.	1. Celaan.
11.	Jason Sia Sze Wan dari Nexia SSY, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.	1. Celaan.
12.	Lye Ghee Kang dari CAS Malaysia PLT, rakan kongsi tugas audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2017.	1. Celaan.
Kegagalan untuk mematuhi beberapa keperluan ISA yang berkaitan dengan EQCR		
13.	Wong Joo Hua dari McMillan Woods Mea, rakan kongsi EQCR bagi audit sebuah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 12 bulan; dan 2. Dilarang daripada menerima PIE atau kumpulan wang jadual sebagai pelanggan bagi tempoh 12 bulan.
14.	Lim Teik Ee dari Siew Boon Yeong & Associates, rakan kongsi EQCR bagi audit 3 buah PLC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, 31 Januari 2017 dan 31 Mac 2017.	1. Dilarang daripada mengaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi tempoh 9 bulan.

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
ACCA	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
ACGA	Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CPA	Akauntan Pengamal Bertauliah
EAR	Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan
EP	Rakan Kongsi Tugas
EQCR	Penyemak Kawalan Kualiti Tugas
ICAEW	Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
ISA	Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan
ISQC	Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti
KAM	Hal Audit Utama
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
PCAOB	Lembaga Pemantauan Perakaunan Syarikat Awam
PIE	Entiti Berkepentingan Awam
PLC	Syarikat Awam Tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>

DEFINISI

Empat Firma Audit Besar	Deloitte, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.
Entiti Berkepentingan Awam	Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA: (a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham; (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (f) suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah Seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau Seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>; (h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi mengurus niaga dalam sekuriti, derivatif atau pengurusan kumpulan wang; (i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti; (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (p) Capital Market Compensation Fund Corporation; (q) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan, melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta</i>
Firma Audit Lain	Firma audit selain daripada Firma Audit Utama.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 50 PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM25 billion.

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Kumpulan Wang Jadual	Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1, SCMA: (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah CMSA; (b) suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; dan (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.